

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat penting tentang takaful keluarga anda.

Pelanggan lain telah membaca Helaian Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

1 Apa itu e-Takaful Hayat?

e-Takaful Hayat menyediakan perlindungan takaful sehingga umur **70** tahun. Ia adalah pelan takaful keluarga dengan sumbangan berkala yang melindungi kematian disebabkan oleh semula jadi dan kemalangan dan manfaat ihsan

Konsep-konsep Syariah yang diguna pakai

Tabarru', Wakalah, Ju'alah, Mudarabah, dan Hibah adalah konsep-konsep Syariah yang diguna pakai untuk pelan ini. Sila rujuk sijil untuk maklumat lanjut mengenai konsep-konsep Syariah tersebut.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM 91.88 bulanan, anda akan menerima perlindungan/manfaat takaful keluarga berikut.		
1	Manfaat Kematian	RM 500,000.00; dan lebihan Dana Risiko Peserta (DRP) terkumpul, jika ada, akan dibayar.
2	Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	Tambahan 200% jumlah yang dilindungi akan dibayar, selain daripada manfaat kematian.
3	Manfaat Ihsan	RM1,000
4	Manfaat Serahan	Lebihan DRP terkumpul, jika ada, akan dibayar.

Peringatan: Sila rujuk kepada ilustrasi pemasaran untuk butiran-butiran produk ini. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Takaful keluarga anda **mengecualikan**:

- * Bunuh diri - jika kematian disebabkan bunuh diri dalam keadaan waras dalam 1 tahun dari tarikh pengeluaran.
- * Kematian akibat kemalangan yang berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mana-mana perkara berikut:
 - a) Kematian atau kecederaan diri yang disengajakan, bunuh diri atau cubaan membunuh diri, ketika waras;
 - b) Penyertaan dalam apa-apa perbuatan jenayah atau menyalahi undang-undang, mogok, rusuhan, keganasan, atau kekecohan awam.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada sijil untuk senarai pengecualian yang lengkap.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai takaful keluarga anda, anda boleh:

 Hubungi kami di 1-300-13-8888 (Etiqa Online)	 Lawati kami di laman web ini ¹	 E-mel kami di info@etiqa.com.my	 Imbas kod QR
--	--	--	---

¹ <https://www.etiqa.com.my/hayat-dan-keluarga/etiqa-e-takaful-hayat>

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk takaful keluarga anda, anda mesti membayar sumbangan sebanyak:	
Sumbangan	RM 91.88 bulanan
Tempoh: Sehingga umur 70 tahun.	
Anda juga perlu membayar fi dan caj berikut:	
Duti Setem	RM10 akan dibayar oleh kami
Jumlah Fi Wakalah	25% daripada jumlah sumbangan atau RM 58,960.08
Caj-caj Lain Yang Dikenakan	Tidak dikenakan

4 Syarat Utama Lain

- * Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul bagi membantu kami membuat keputusan yang betul untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma sijil anda. Jika sebaliknya, anda mungkin berisiko mengakibatkan sijil anda dibatal, tuntutan anda ditolak, atau terma dan syarat sijil diubah.
- * Anda harus berpuas hati bahawa pelan itu memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar sumbangan tersebut.
- * Sumbangan yang ditunjukkan adalah berdasarkan umur yang telah dicapai anda (hari jadi berikutnya) pada tarikh permulaan, dan akan berubah berdasarkan umur yang telah dicapai pada tahun sijil semasa. Kadar sumbangan adalah tidak dijamin dan kami berhak untuk mengubah kadar sumbangan dengan memberikan notis 3 bulan lebih awal.
- * Tempoh tangguh – Tempoh masa tambahan yang diberikan kepada anda untuk membayar sumbangan yang perlu dibayar. Tempoh tangguh di bawah sijil ini adalah 31 hari dari tarikh sumbangan yang perlu dibayar.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada sijil untuk senarai terma dan syarat yang lengkap.

? Bolehkan saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan arahan bertulis kepada kami

- **Tempoh percuma:** Anda boleh membatalkan sijil dengan memberi arahan bertulis kepada kami dalam tempoh 15 hari selepas sijil diterima oleh anda. Sumbangan yang telah anda bayar (tolak sebarang fi pemeriksaan perubatan yang ditanggung) kepada anda.
- **Selepas tempoh percuma:** Anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil kepada kami berserta permohonan serahan secara bertulis. Tiada pengembalian sumbangan dan tiada nilai serahan akan dibayar di bawah sijil ini, anda mungkin berhak ke atas lebihan DRP terkumpul, jika ada.